

ESTETIKA NILAI KEISLAMAN DALAM TRADISI LISAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Rosnah Mustafa, Monaliza Sarbini-Zin, Wan Robiah Meor Osman, Radina Mohd Deli,
Salina Pit, Siti Marina Kamil & Nur Ardini Jian Abdullah

mdrosnah@cls.unimas.my
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Masyarakat Melayu Sarawak merupakan salah satu masyarakat terbesar di Kepulauan Borneo yang mempunyai adat dan budaya warisan yang ditunjangi dengan nilai keislaman. Pengaruh Islam dalam tradisi lisan masyarakat ini dapat dilihat menerusi nyanyian, syair, puisi, zikir, pantun, dan sebagainya. Ketinggian akal budi masyarakat ini yang memaparkan estetika nilai keislaman menjadi salah satu identiti masyarakat Islam di Kepulauan Borneo. Kajian deskriptif ini memanfaatkan tradisi lisan menerusi nyanyian dan zikir yang mencerminkan nilai keislaman yang telah lama bertapak di Bumi Kenyalang. Selain itu, kajian ini juga memerihalkan aspek budaya dan pemikiran yang terserlah menerusi tradisi lisan yang diteliti. Pemerian data tradisi lisan ini penting untuk dikemukakan kepada masyarakat umum sebagai catatan penyelidikan dalam merekod, menyimpan serta memelihara khazanah dialek Melayu di Borneo khususnya dan di Malaysia amnya.

Kata kunci: Nilai Keislaman, Tradisi Lisan, Dialek Melayu Sarawak, Budaya, Pemikiran

PENDAHULUAN

Masyarakat Melayu Sarawak kaya dengan khazanah adat dan budaya warisan turun-temurun yang masih menjadi amalan sesetengah masyarakat setempat. Adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak ini dapat dilihat menerusi nilai keislaman yang tinggi dalam amalan adat dan budaya mereka. Kajian ini akan memfokus kepada tradisi lisan masyarakat Melayu Sarawak yang dilihat sarat dengan pengaruh keislaman. Kajian ini memanfaatkan sumber daripada nyanyian dan amalan berzikir yang dipraktikkan oleh masyarakat ini dalam kehidupan seharian. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bukti pengaruh dan kepentingan nilai-nilai keislaman yang menjadi tunjang kepada amalan tradisi masyarakat Melayu Sarawak seperti masyarakat Melayu lainnya di Malaysia. Selain itu, dapatkan ini diharapkan dapat melestarikan adat dan budaya tradisi lisan turun-temurun agar ia sentiasa kekal dan tidak hilang ditelan zaman.

KAJIAN TRADISI LISAN MELAYU SARAWAK

Tradisi lisan atau sastera rakyat merupakan bentuk kesusastraan yang paling awal lahir dalam semua kebudayaan manusia. Tradisi lisan menjadi elemen yang sangat penting dalam mana-mana budaya masyarakat khasnya masyarakat purba yang bertamadun tetapi masih belum mempunyai sistem tulisannya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana tradisi lisan digunakan untuk menyampaikan budaya, nilai dan kepercayaan mereka. Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd. Saman (1985) percaya bahawa tradisi lisan merupakan kenyataan budaya yang disampaikan secara kreatif. Mereka menyatakan bahawa walaupun berlaku perubahan dalam tradisi lisan yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain, ciri-ciri asal budaya sesuatu masyarakat itu masih lagi dapat dikesan. Di Sarawak, pertumbuhan sasteranya bermula dengan tradisi lisan. Tradisi lisan ini berkembang dan terus disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi kemudiannya. Di Sarawak, kepelbagaiannya kaum masyarakatnya menjadikan negeri ini kaya dengan pelbagai